

Speech by Mr Masagos Zulkifli, Adviser to MESRA and Minister for the Environment and Water Resources for the People's Association MAECs' 40th Anniversary Gala Dinner 30th July 2017 at Orchard Hotel

DPM Teo Chee Hean

Deputy Prime Minister & Coordinating Minister for National Security

Dr Yaacob Ibrahim

Minister for Communications and Information and Minister-in-charge of Muslim Affairs

Fellow Advisers of Grassroots Organisations

Mr Desmond Tan

Chief Executive Director of the People's Association (PA)

Encik Omar Ismail, PBM

Chairman of MESRA

National Archives of Singapore

Panel of Advisers, members of MESRA and the Malay Activity Executive Committees (MAECs)

Ladies and gentlemen

INTRODUCTION

1. Thank you everyone for being here today. Echoing what DPM Teo has just shared, 40 years is a significant milestone for the People's Association Malay Activity Executive Committees, MAECs for short and its Council, MESRA; and this celebration is worthy of our time to look at what we've achieved and what we should do for the future.

40 YEARS OF MALAYS IN GRASSROOTS WORK

2. Indeed, over the past 40 years, MESRA and the MAECs have contributed much to the development of the Malay community and Singapore. From their inception in 1977, the MAECs were tasked to organise and promote Malay cultural activities, and therefore, served as a platform for outreach to the community through celebration of Malay festivities and organising cultural events. They have played a key role in strengthening social cohesion in the early nation-building years – firstly bringing together the community, and in the process integrating with other races every time they congregate in the Community Clubs and Resident Committees.
3. For example, MAECs would gather residents of all races for Hari Raya get-togethers and would share our culture of ketupat-making, and these continue today. Indeed, if the mosques have developed to guide Muslims to be moderate, the MAECs have developed our community's sense of Singapore's special version of Malay culture melding with our multiracial setting. Over the years, the range of programmes have expanded to remain relevant to the evolving needs of the Malay community.
4. This year, sadly, we lost one of Singapore's founding fathers, former Minister of Social Affairs, Encik Othman Wok who played a pivotal role in rallying all Singaporeans – Malays and others, to work together to build a multi-racial and multi-religious Singapore. As Prime Minister Mr Lee Hsien Loong stated in his eulogy for Encik Othman, "... *one golden thread that ran through his long life was his commitment to the ideal of a multi-racial and multi-religious*

Singapore.” This multi-racial and multi-religious context remains relevant and this same ideal underpins the work of the MAECs. Through the MAECs, generations of Malay grassroots leaders have emulated Encik Othman Wok and have come forward to serve and rally our community: work with everyone to build a harmonious multi-racial society even as we cherish and preserve our Malay culture and identity. I want to acknowledge the contributions of the leaders and activists, past and present, who have served with dedication through the decades. Let me also thank Dr Yaacob for helming MESRA all these years and passing it on to us a well-oiled organisation set to achieve even greater heights.

PARA HADIRIN SEKALIAN

CABARAN YANG DIHADAPI MASYARAKAT MELAYU/ISLAM

5. Masyarakat kita hari ini menghadapi tiga cabaran utama. Pertama, fahaman agama yang ekstrim yang boleh membawa kepada pengganasan. Kedua, pengaruh tersebut berupaya melemahkan budaya Melayu kita, dan ketiga, perubahan pesat ekonomi global dan pencetusan gangguan teknologi.
6. Sejak beberapa bulan lalu, dunia digemparkan dengan berita golongan pelampau Islam melaksanakan serangan ganas ke atas London, Manchester dan Kabul. Ia adalah tindak tanduk para radikal yang terpengaruh dengan pegangan agama Islam yang ekstrim, yang disebarkan oleh kumpulan seperti Al-Qaeda dan ISIS. Singapura tidak terlindung dari ancaman pengganasan dan radikalisasi seperti itu. Realiti tersebut timbul baru-baru ini dengan penahanan seorang pekerja pusat jagaan kanak-kanak dan anggota polis tambahan. Kumpulan-kumpulan pelampau jelas mensasarkan golongan yang mudah terpengaruh dan berpotensi untuk melakukan aksi merbahaya dan kerosakan besar.
7. Imej agama Islam yang selama ini telah berjaya mendekatkan hati manusia untuk menyelaminya kini tercemar. Sebaliknya orang Islam mula menjadi sasaran serang balas di negara Barat akibat daripada keganasan yang

dilakukan saudara Islam senegara mereka. Di Singapura juga, kita telah berjaya menahan mereka yang mempunyai niat ganas. Yang menjadi tanda tanya ialah apakah reaksi masyarakat bukan Islam, jika keganasan benar-benar berlaku hingga mencederakan atau mengorbankan orang yang disayangi mereka. Pihak berkuasa akan berusaha gigih untuk mengelakkan ia dari berlaku. Masyarakat Islam pula harus mengambil segenap langkah supaya Islam yang diajar dan dipraktikkan di negara kita tetap moderat dan mendokong kehidupan makmur berbilang kaum dan agama. Inilah yang diusahakan MUIS kebelakangan ini. Masyarakat kita digalakkan supaya orang yang tersayang pun akan dirujuk kepada pihak yang berwenang jika mereka jelas terpengaruh dengan ajaran tegar supaya dielakkan daripada terjerumus menjadi radikal dan ganas. Itulah bukti yang akan memberi keyakinan kepada masyarakat Singapura; hingga, sekiranya berlaku keganasan oleh individu yang radikal, kepercayaan masyarakat Singapura akan tetap kekal teguh kerana usaha masyarakat kita selama ini.

8. Ajaran Islam yang bersifat tegar dan eksklusif sebenarnya pengaruh yang asing di Nusantara dan tidak pernah terlihat di rantau ini hinggalah baru-baru ini. Dalam membentuk pemahaman Islam tegar yang diutarakan sebagai pembaharuan, golongan pelampau tahu mereka perlu menggoyahkan keyakinan kita terhadap pengamalan agama dan budaya kita, sebelum dapat menggantikannya dengan fahaman mereka. Banyak sekali amalan budaya kita dibidas seperti acara persandingan dilabel sebagai pengaruh Hindu dan amalan kenduri arwah sebagai amalan yang dilarang agama. Hinggalah orang menganggap jubah orang Arab lebih tinggi martabatnya dari baju Melayu kita. Jika dahulu kehidupan moden mengancam kehidupan budaya tradisional Melayu, kini pengaruh agama tegar pula cuba menggantikannya dengan budaya Timur Tengah yang dianggap Islami.

9. Pengaruh dan ajaran tersebut muncul di sini sejak timbulnya konflik besar pada 1979 di Timur Tengah antara negara adikuasa Saudi dan Iran, dan juga antara fahaman agama masing-masing. Masing-masing saling mencari dan membeli pengaruh di merata dunia. Dengan dunia semakin tanpa sempadan dan Internet membolehkan sesiapa saja untuk berhubung sesama manusia, golongan muda kita boleh tertarik untuk mempelajari amalan agama dan budaya negara-negara asing ini, umpamanya setelah mengikuti pengajian di luar negeri, membaca artikel dari Internet atau berkomunikasi dengan pihak luar. Kita sudah mula melihat bagaimana elemen-elemen luar ini dapat melentur dan mengubah kepercayaan agama kita, dan perubahan inilah yang harus kita awasi dan waspada. Ini kerana sikap menolak fahaman agama Islam setempat yang toleran dan mendokong hidup berharmoni dan penghakisan budaya yang selama ini mencorak dan mencantikkan agama kita, bakal digantikan dengan sifat eksklusif dan ta'asub. Ia juga menolak kewujudan persekitaran berbilang budaya dan agama, lalu membangkitkan rasa benci pada kaum dan agama lain. Akhirnya mengharamkan hidup rukun senegara dengan sistem yang berprinsip sekular. Itulah penyebab utama rakyat sanggup memerangi negara sendiri dan berjuang bagi sebidang tanah yang jauh dari mereka yang diisytihar Wilayah berkhilafah di Syria dan Iraq.

10. Seperti apa yang disampaikan oleh Mufti Dr Fatris Bakaram semasa khutbah Aidilfitri yang lalu, di mana Islam mengajar insan bahawa kecintaan seseorang kepada agamanya tidak bercanggah dengan cintanya kepada negara, bangsa dan budayanya. Mufti juga mengingatkan kita bahawa seseorang itu boleh hidup sebagai Muslim yang baik Islamnya di mana sahaja beliau berada, dan menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat setempat. Mufti turut menarik perhatian bahawa menjadi satu masalah sekiranya seseorang itu menyangka sesuatu adat yang asing itu lebih Islamik daripada apa yang kita ada di sini. Para ulamak kita berkongsi pendapat bahawa agama Islam harus diamalkan dalam konteks setempat, sejajar dengan perkembangan masyarakat dan persekitarannya.

11. Oleh itu saya gembira melihat ramai keluarga terus hidup berbudaya Melayu, dan mengenakan pakaian Baju Melayu ketika menyambut Hari Raya baru-baru ini. Masyarakat kita juga masih bangga menggunakan Bahasa Melayu ketika berbicara. Media Melayu kita – Berita Harian, Suria, Ria dan Warna terus berkembang. Ini jelas menunjukkan bahawa kita masih berupaya mengekalkan Bahasa dan budaya kita. Cinta kita pada bahasa dan budaya kita boleh menjadi benteng kuat yang dapat mencegah penyusupan fahaman agama Islam berbudaya asing, yang konteks masyarakat asalnya mempunyai sejarah, bahasa dan budaya yang tidak sama konteksnya bagi orang Melayu Nusantara.
12. Cabaran ketiga pula, ialah menghadapi ekonomi dunia yang sedang berubah dengan hebat dan pesat hingga menjadi satu gangguan. Kita melihat bagaimana teknologi dan kecerdasan buatan (artificial intelligence) mengancam pekerjaan biasa. Ini adalah cabaran yang dihadapi bukan saja di sini malah secara global. Saya prihatin khususnya bagi golongan profesional, pengurus, eksekutif dan teknisyen (PMET) masyarakat kita, terutama yang di peringkat pendapatan pertengahan bawahan. Untuk bertahan di dalam ekonomi yang berubah-ubah ini, dua kunci utama harus kita miliki: pertama adalah melalui peningkatan kemahiran dan pendidikan sepanjang hayat. Terdapat sektor-sektor baru yang kekurangan tenaga mahir, yang dapat menawarkan peluang pekerjaan baik bagi masyarakat Melayu/Islam kita. Kedua, kita tidak boleh hilang haluan kerana terpengaruh dengan ajaran yang tujuannya mempersiapkan kita untuk mengambil bahagian dalam konflik di Timur Tengah. Malah, jika masyarakat di sini condong pada ajaran tersebut seperti di Chechnya dan Xinjiang, ia bukan sahaja menyebabkan kita ketinggalan, kita akan disibukkan dengan sikap mencari kedamaian dan hilang kemakmuran.
13. Dalam menghadapi semua cabaran-cabaran tersebut, MESRA memainkan peranan penting supaya masyarakat kita di arus nasional dengan menitik-beratkan kehidupan berharmoni dengan semua kaum. Ini akan saling melengkapi usaha MUIS dalam memberi hala tuju kehidupan beragama, dan Mendaki sebagai memangkinkan masyarakat Melayu untuk mampu bersaing

di persada dunia. MUIS, MENDAKI, MESRA – 3M tunjang masyarakat kita, memperkukuhkan satu sama lain.

14. Justeru itu, MESRA harus memainkan peranan proaktif dalam memimpin masyarakat kita berintegrasi dan mendekati semua kaum supaya kita memahami dan mesra dengan budaya dan kehidupan satu sama lain. Sedang kita pihak minoriti terus berusaha berintegrasi, pemerintah juga selaras berusaha supaya yang majoriti menerima kaum minoriti dalam segala aspek sebagai sebahagian daripada cara hidup 'masyarakat inklusif'.

15. Seperti sebuah perkampungan, masyarakat kita harus ada di ruangan bersama, di mana semua masyarakat dengan latar belakang berbeza berpeluang untuk berinteraksi dan mengenali satu sama lain – untuk memupuk semangat kesepaduan yang utuh di kalangan masyarakat di Singapura. Apakah itu semasa bekerja atau bersantai di kawasan kejiranan kita – kita harus usahakan dan memudahkannya. Jika dibiarkan, kita lebih condong berkelompok hanya dengan kaum kita sendiri, kerana kita seagama. MESRA mempunyai peranan besar dalam mengorak strategi menyatukan masyarakat kita untuk bersama dalam perkampungan ini demi kemakmuran semua.

16. Jelas, pihak MAEC perlu bergerak secara berbeza berbanding ketika ia baru ditubuhkan semasa era pos-merdeka. Fokus MESRA dan MAEC kini harus berkembang – dari hanya menganjurkan acara kebudayaan kepada juga menjalin hubungan yang mendalam dengan masyarakat kita. Kita perlu menyusun langkah mendekati pihak-pihak berkepentingan dalam masyarakat Melayu/Islam dan memberi fokus kepada golongan muda, para ulamak kita hingga golongan pakar dan karyawan dari pelbagai latar dan bidang. Usaha mendekati masyarakat kita secara berkesan adalah penting sebelum kita boleh membawa mereka berhubungan baik dengan masyarakat am di Singapura. Panel penasihat MESRA; Puan Halimah, Dr Maliki, Dr Faishal, Encik Amrin dan Encik Zaqy sedang bekerja sama dengan semua anggota MESRA untuk menyusun langkah mendekati

masyarakat dengan lebih erat. Perinciannya akan kami kongsi dalam bulan-bulan mendatang.

17. Kini saya ingin menyentuh tentang warisan kita. Baru-baru ini di Parlimen, DPM Teo bercakap tentang masyarakat Singapura yang inginkan sesuatu ikatan yang menghubungkan sejarah silam kita. Taman Warisan, yang dahulunya Istana Kampung Glam, merupakan salah satu contoh ikatan tersebut. Juga kawasan seperti Kampong Glam dan Geylang, di mana generasi lama kita tinggal dan membesar di sana, terpahat banyak memori lama mengenai semangat kekampungan yang pernah wujud dahulu. Pada 2018, kita bakal mempunyai sebuah mercu tanda yang boleh kita banggakan di tengah-tengah pembangunan bandar yang pesat, dengan terbinanya nanti Wisma Geylang Serai.
18. Wisma Geylang Serai merupakan sebuah bangunan serba baru yang boleh dibanggakan masyarakat kita, yang bakal menonjolkan betapa kayanya warisan, budaya dan identiti Melayu kita. Saya gembira semua ciri-ciri tersebut dapat dilihat dan dipamerkan melalui seni reka bentuk bangunan tersebut. Saya bangga dan berbesar hati untuk mengumumkan bahawa Persatuan Rakyat (PA) telah memberi kepercayaan kepada MESRA untuk menerajui usaha merancang dan menguruskan program acara di Wisma Geylang Serai sepanjang tahun. Dr Maliki akan mengetuai inisiatif ini.
19. Di bawah naungan ini, kami juga akan bekerjasama dengan Majlis Seni Kebangsaan, Lembaga Warisan Negara, dan Kelab Masyarakat Geylang Serai untuk menganjurkan acara-acara budaya Melayu, serta kursus-kursus dan program yang memberi fokus kepada mendekati masyarakat. Visi kami – untuk menonjolkan Wisma Geylang Serai sebagai sebuah ruang warisan yang boleh dibanggakan masyarakat Melayu. Salah satu acara tahunan yang bakal dianjurkan MESRA adalah Bazar Hari Raya @WGS, mulai tahun depan. Harapan kami agar Wisma Geylang Serai menjadi pusat tumpuan bagi pelbagai aktiviti mendekati masyarakat.

PARA HADIRIN SEKALIAN

20. Kita bangga dengan pencapaian MAEC dan MESRA selama 40 tahun ini. Apa yang penting kini adalah langkah selanjutnya dalam menghadapi cabaran-cabaran masyarakat kita dan negara kita bersama. Saya telah melakar beberapa keprihatinan bersama dan strategi penting yang akan dilaksanakan MESRA dan MAEC, dan saya harap semua pihak - PA, pemimpin akar umbi dan relawan - dapat bekerjasama dengan kami untuk menjayakannya. Terima kasih.

National Archives of Singapore